



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN SABTU, 29 MAC 2025



LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



29/3/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	MEMPERKASAKAN WANITA: DASAR, CABARAN DAN MASA DEPAN		POSITIF
	https://ikram.org.my/memperkasakan-wanita-dasar-cabaran-dan-masa-depan/	IKRAM.ORG.MY	
	https://sabahmedia.com/2025/03/28/harapan-dan-cabaran-dasar-wanita-negara-2025/	SABAHMEDIA.COM	
	https://www.nabalunews.com/post/wanita-upko-sambut-baik-dasar-wanita-negara-2025-2030	NABALUNews.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	150 ASNAF DAN DUA BUAH MASJID TERIMA SUMBANGAN YKN		POSITIF
	https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/150-asnaf-dan-dua-buah-masjid-terima-sumbangan-ykn-x9gxuf2	ASTROAWANI.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	ANJUNG KASIH BAKAL DISEDIAKAN DI HOSPITAL LAHAD DATU		POSITIF
	https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/anjung-kasih-bakal-disediakan-di-hospital-lahad-datu-x9gxu8m	ASTROAWANI.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	POLIS SERAH BUDAK PEREMPUAN TULAR DI TIKTOK KEPADA IBU BAPA		POSITIF
	https://www.buletintv3.my/nasional/polis-serah-budak-perempuan-tular-di-tiktok-kepada-ibu-bapa/	BULETINTV3.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/03/28/budak-3-tahun-keluar-rumah-seorang-diri-waktu-sahur/	KOSMO.COM.MY	
	https://malaysiagazette.com/2025/03/28/budak-tiga-tahun-hilang-dari-rumah-sudah-diserah-kepada-ibu-bapa/	MALAYSIAGAZETTE.COM	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



29/3/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
	https://www.bernama.com/bm/news.php/jenayah_mahkamah/news.php?id=2407255	BERNAMA.COM	
	https://lobakmerah.com/mak-ayah-dia-dah-di-balai-terjumpa-kanak-kanak-sesat-ketika-sedang-bersahur-netizen-puji-tindakan-lelaki-ini/	LOBAKMEERAH.COM	
	https://www.sinarharian.com.my/article/720169/berita/semasa/kanak-kanak-ditemui-berjalan-seorang-diri-diserahkan-semula-kepada-ibu-bapa	SINARHARIAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	KANAK-KANAK AUTISME HILANG DARI RUMAH DI BALING		NEGATIF
	https://www.buletintv3.my/nasional/kanak-kanak-autisme-hilang-dari-rumah-di-baling/	BULETINTV3.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/720227/berita/semasa/doakan-cucu-saya-segera-ditemui	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2407341	BERNAMA.COM	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/03/kanak-kanak-empat-tahun-hilang-kelibat-terakhir-dirakam-cctv/	UTUSAN.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/720197/berita/semasa/kanak-kanak-autisme-fayyad-affan-dilapor-hilang	SINARHARIAN.COM.MY	
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/03/1378195/kanak-kanak-lelaki-austisme-dilaporkan-hilang	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.kosmo.com.my/2025/03/28/kanak-kanak-4-tahun-hilang-kelibat-terakhir-dirakam-cctv/	KOSMO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	IBU, ANAK ANIAYA DUA BERADIK DIDAKWA MAHKAMAH		NEGATIF
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/03/1201947/ibu-anak-aniaya-dua-beradik-didakwa-mahkamah	HMETRO.COM.MY	
	https://www.sinarharian.com.my/article/720157/berita/semasa/ibu-anak-didakwa-sebabkan-kecederaan-dua-beradik-lelaki	SINARHARIAN.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



29/3/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
	https://www.kosmo.com.my/2025/03/28/ibu-anak-lelaki-didakwa-aniaya-dua-beradik/	KOSMO.COM.MY	
	https://www.buletintv3.my/mahkamah/wanita-warga-emas-anak-lelaki-didakwa-aniaya-2-beradik/	BULETINTV3.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	LELAKI LEMBAM DIDAKWA MILIKI 79 GAMBAR, VIDEO LUCAH KANAK-KANAK		NEGATIF
	https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/03/1378024/lelaki-lembam-didakwa-miliki-79-gambar-video-lucah-kanak-kanak	BHARIAN.COM.MY	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/03/1201921/oku-lembam-didakwa-miliki-79-gambar-video-lucah-kanak-kanak	HMETRO.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
8	BAPA TIRI DIDAKWA ROGOL KANAK-KANAK 12 TAHUN		NEGATIF
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/03/bapa-tiri-didakwa-rogol-kanak-kanak-12-tahun/	UTUSAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
9	WARGA ASING MENGAKU AMANG SEKSUAL KANAK-KANAK		NEGATIF
	https://www.utusan.com.my/nasional/2025/03/warga-asing-mengaku-amang-seksual-kanak-kanak/	UTUSAN.COM.MY	

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : DWN TO BOOST WOMEN'S ROLE IN ECONOMY AND SOCIETY

HARI : SABTU

AKHBAR : THE STAR

TARIKH : 29 MAC 2025

M/SURAT : 09

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWK

DWN to boost women's role in economy and society

PETALING JAYA: With four main priorities comprising economy, leadership, security and well-being, the National Women's Policy (DWN) 2025-2030 aims to empower women's participation while helping them reach their full potential through inclusive planning and development of gender equality.

DWN, which was launched by Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim in conjunction with the recent International Women's Day, will be implemented over five years in line with the Malaysia Plan.

The implementation of the DWN is set to help improve Malaysia's standing in international reports such as the Convention



on the Elimination of All Forms of Discrimination Against Women, Sustainable Development Goals, Global Gender Gap Index and World Competitiveness Report.

Among its core issues is addressing domestic violence against women, which recorded 7,116 cases last year. As such, under safety, the DWN wants to cultivate gender equality to strengthen the level of security and peace for women in the country.

Recently, Bukit Aman's Sexual, Women and Child Investigation Division (D11) principal assistant director Senior Asst Comm Siti Kamsiah Hassan said that 70% of domestic violence cases are tied to economic factors.

During the launch of DWN, Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri (pic) said the new policy will ensure stricter action against perpetrators of domestic violence and strengthen enforcement.

She said the government is identifying weaknesses in implementing existing laws to close any gaps in the protection of women.

Under the DWN's economic agenda, it hopes to empower women from all walks of life as agents of change and strategic partners in the country's socio-economic development.

In terms of leadership, DWN strives to increase the number of women as decision-makers in strategic positions.

To drive the DWN ahead, the policy is set to introduce gender-based impact assessment in the national budget system in line with the gender-responsive budget approach.

It will also introduce gender audit into the evaluation of high-impact projects or programmes and initiatives that support women in the informal sector. The DWN was first formulated in 1989 and subsequently revised in 2009 with the introduction of the Women's Development Action Plan.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Polis serah budak perempuan tular di Tiktok kepada ibu bapa

© 28 Mac 2025, 4:59pm



KUALA LUMPUR: Seorang kanak-kanak perempuan yang tular di TikTok selepas ditemukan berjalan seorang diri di Serdang Perdana, Seri Kembangan, diserahkan semula kepada ibu bapanya, hari ini.

Ketua Polis Daerah Serdang, Asisten Komisioner A A Anbalagan, berkata seorang lelaki berusia 27 tahun menemui kanak-kanak berusia sekitar tiga tahun itu berjalan seorang diri dengan membawa wang tunai RM2, sekitar jam 3.42 pagi tadi.

Beliau berkata lelaki itu kemudiannya membawa kanak-kanak terbabit ke Balai Polis Seri Kembangan.

"Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Serdang mengesahkan menerima laporan pada 4.35 pagi dan segera menjalankan siasatan. Hasil siasatan mendapati kanak-kanak itu dipercayai keluar daripada rumahnya tanpa disedari ibu bapanya melalui pintu yang tidak berkunci.

"Kanak-kanak itu kemudian berjalan sejauh 100 meter dari pondok pengawal keselamatan di apartment tempat tinggalnya. Walau bagaimanapun kanak-kanak itu ditemukan dalam keadaan baik," katanya dalam kenyataan.

Anbalagan berkata ibu bapa kanak-kanak itu kemudian tiba di Balai Polis Seri Kembangan pada 7.50 pagi setelah menyedari ketiadaannya di rumah.

"Kanak-kanak itu diserahkan kembali kepada ibu kandungnya setelah pengesahan dibuat melalui sijil kelahiran dan kad pengenalan ibu serta bapa.

"IPD Serdang mengucapkan terima kasih kepada lelaki yang telah memberikan kerjasama dan menyeru orang ramai untuk melaporkan sebarang maklumat jenayah kepada pihak berkuasa melalui balai polis berhampiran atau menghubungi IPD Serdang di talian 03-8074 2222," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Kanak-kanak autisme hilang dari rumah di Baling

© 28 Mac 2025, 5:27pm



Oleh: Selwam Arjunan

BALING: Seorang kanak-kanak orang kelainan upaya (OKU) autisme dan mengalami masalah pembelajaran dilaporkan hilang dari rumahnya di Kampung Landak Paya, Kupang, di sini, hari ini.

Kehilangan kanak-kanak lelaki berusia empat tahun itu disedari oleh ahli keluarganya sekitar jam 12.50 tengah hari sebelum mereka melaporkannya kepada pihak berkuasa.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Baling, Penolong Penguasa Bomba Zulkhairi Mat Tanjil berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan berhubung kehilangan mangsa pada jam 2.40 petang.

Menurutnya, sepasukan anggota dari BBP Baling telah dikerahkan ke lokasi bagi menjalankan operasi pencarian di sekitar kawasan rumah mangsa yang berhampiran dengan sungai.



"Kerja-kerja pencarian dibahagikan kepada tiga sektor iaitu sepanjang tebing sungai, kawasan mini tar dan jalan utama," katanya ketika dihubungi hari ini.

Bagaimanapun, sehingga kini, tiada sebarang petunjuk mengenai keberadaan kanak-kanak tersebut.

Zulkhairi menambah, operasi pencarian turut disertai pihak polis serta penduduk kampung dalam usaha mengesan mangsa.

Beliau berkata, pihak bomba telah menjalankan pencarian awal sebelum menyerahkan operasi sepenuhnya kepada polis untuk tindakan lanjut.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Baling, Superintendan Azmi Mokhtar berkata, operasi pencarian telah dimulakan lebih satu jam lalu dengan tumpuan diberikan di kawasan berhampiran rumah mangsa.

Orang ramai yang mempunyai maklumat mengenai kejadian ini diminta untuk segera menghubungi pihak berkuasa bagi membantu pencarian.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : IBU, ANAK ANIAYA 2 BERADIK DIDAKWA

HARI : SABTU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 29 MAC 2025

M/SURAT : 21

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Ibu, anak aniaya 2 beradik didakwa

Kuala Lumpur: Seorang ibu dan anak lelakinya dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas pertuduhan menganiaya dua beradik masing-masing berusia lapan tahun dan enam bulan yang juga cucunya sehingga mangsa mengalami kecederaan.

Kedua-dua mangsa yang kini berada di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat adalah cucu dan anak saudara kepada tertuduh yang berada dalam jagaan mereka ketika kejadian.

Kedua-dua tertuduh masing-masing berusia 65 tahun dan 29 tahun bagaimanapun mengaku tidak bersalah terhadap tuduhan terbabit yang boleh dihukum mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001 dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan.

Mereka didakwa melakukan kesalahan itu di sebuah rumah di Sentul, antara jam 12 malam hingga 11.59 malam, antara Januari hingga Mac 2025.

Jika disabitkan kesalahan, kedua-dua tertuduh boleh didenda tidak

melebihi RM50,000 atau penjara tidak melebihi 20 tahun,

atau kedua-duanya sekali.

Pada prosiding semalam, Timbalan Pendakwa Raya Faizah Khalillah Zakeri memohon supaya kedua-dua tertuduh masing-masing dikenakan ikat jamin RM10,000 dengan seorang penjamin beserta syarat tambahan iaitu mereka dilarang mengganggu saksi dan mangsa, melapor diri di balai polis berhampiran sebulan serta menyerahkan pasport kepada mahkamah sehingga kes selesai.

Bagaimanapun, peguam Ridzuan Sihat yang mewakili kedua-dua tertuduh memohon anak guamnya dikenakan jumlah ikat jamin rendah atas alasan tertuduh wanita tidak bekerja manakala lelaki bongsunya hanya bekerja sebagai juru jual di sebuah pusat membeli belah dan menanggung seorang anak kandung serta lima anak saudara.

Selepas mendengar hujahan kedua belah pihak, Hakim Tasnim Abu Bakar membenarkan setiap tertuduh diikat jamin RM7,000 dengan seorang

penjamin serta membenarkan syarat tambahan yang dipohon pihak pendakwaan.

Mahkamah benarkan setiap tertuduh diikat jamin RM7,000 dengan seorang penjamin



SEORANG ibu dan anak lelakinya dihadapkan ke Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur, semalam.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : LELAKI OKU TAK MENGAKU TUDUHAN

HARI : SABTU

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 29 MAC 2025

M/SURAT : 06

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

SIMPAN 70 GAMBAR, VIDEO LUCAH KANAK-KANAK

Lelaki OKU tak mengaku tuduhan

Muar: Seorang lelaki orang kurang upaya (OKU) dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas pertuduhan menyimpan lebih 70 gambar dan video lucuh kanak-kanak yang dimuat turun menerusi media sosial.

Tertuduh, Mohd Azmeer Ithnin (**gambar**), 35, yang juga OKU lembam mengaku tidak bersalah terhadap pertuduhan dikemukakan jurubahasa di hadapan Hakim Sayani Mohd Nor.

Mengikut pertuduhan, pembantu restoran itu didapati memiliki bahan penganiayaan seksual terhadap kanak-kanak iaitu 79 gambar dan satu video dalam telefon bimbitnya.

Perbuatan itu dilakukan di rumahnya di Segamat pada jam 5.45 petang, 19 Mac lalu.

Kesalahan dilakukan mengikut Seksyen 10 Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak (AKKSTKK) 2017 dengan penjara sehingga lima tahun atau denda maksimum RM10,000 atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Berdasarkan laporan dibuat pada 6 Februari lalu, pihak Google melaporkan kepada Pusat Kebangsaan bagi Kanak-Kanak Hilang dan Dieksploitasi (NCMEC) berpangkalan di Washington, Amerika Syarikat (AS) selepas meng-



esan satu pautan digunakan untuk memuat turun bahan lucuh kanak-kanak.

NCMEC merujuk kepada Ibu Pejabat Polis Bukit Aman pada 13 Februari untuk tindakan susulan termasuk menyiasat individu menggunakan pautan itu.

Polis menyerbu rumah tertuduh dengan pemeriksaan dalam telefon bimbitnya mendapati terdapat banyak bahan lucuh dalam simpanannya.

Pada masa sama, semakan terhadap nombor telefon bimbit digunakan tertuduh didaftar atas nama lelaki warga Pakistan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Diyana Najihah Muhammed Fauzi manakala tertuduh diwakili, Rohana Ramli.

Susulan pengakuan tidak bersalah tertuduh itu, pihak pendakwaan menawarkan ikat jamin RM15,000 serta syarat tambahan

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : MAN WITH DISABILITY CHARGED WITH POSSESSING CHILD PORN

HARI : SABTU

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

TARIKH : 29 MAC 2025

M/SURAT : 12

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWK

EXPLICIT CONTENT IN PHONE

Man with disability charged with possessing child porn

MUAR: An intellectually disabled man was charged at the Sessions Court here yesterday with possessing more than 70 images and videos of child pornography downloaded from social media.

Mohd Azmeer Ithnin, 35, pleaded not guilty when the charge was read out by a court interpreter before judge Sayani Mohd Nor.

According to the charge, the restaurant assistant was found in possession of child sexual exploitation materials, consisting of 79 images and one video on his mobile phone.

The offence allegedly took place at his home in Segamat at 5.45pm on March 19.

According to reports, on Feb 6, Google notified the National Centre for Missing and Exploited Children (NCMEC) in Washing-

ton, the United States, after detecting a link used to download child pornography.

NCMEC referred the case to Bukit Aman on Feb 13 for further action, including investigating the individual who accessed the link. Police raided the accused's home and upon inspecting his mobile phone, found a large amount of explicit material in his possession. A check of the accused's mobile number revealed that it was registered under the name of a Pakistani national.

The prosecution proposed bail of RM15,000 with additional conditions, but the court granted bail at RM8,000 and ordered the accused to report to the nearest police station each month.

The case is set for mention on May 28.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Bapa tiri didakwa rogol kanak-kanak 12 tahun



TERTUDUH (tengah) didakwa atas dua pertuduhan merogol kanak-kanak berusia 12 tahun yang merupakan anak tirinya di Kompleks Mahkamah Kangar. Perlis hari ini.-UTUSAN/ASYRAF MUHAMMAD

Oleh ASYRAF MUHAMMAD 28 Mac 2025, 3:46 pm

KANGAR: Seorang penjaga kolam ikan dihadapkan ke Mahkamah Sesyen, di sini, hari ini atas dua pertuduhan merogol anak tirinya pada November 2024 dan Februari tahun ini.

Tertuduh, Mohd Faizi Shaebun, 38, mengaku tidak bersalah dan mohon dibicarakan sebaik sahaja pertuduhan dibacakan terhadapnya di hadapan Hakim Sesyen, Sharifah Norazlita Syed Salim Iddid.

Mengikut kertas pertuduhan, Mohd Faizi didakwa dengan sengaja telah merogol seorang kanak-kanak perempuan ketika mangsa berusia 12 tahun.

Bagi pertuduhan pertama, dia didakwa melakukan perbuatan itu antara pukul 1 tengah hari hingga 1.30 tengah hari di sebuah rumah di Kampung Tebuk, Simpang Empat, di sini, pada bulan November 2024.

Untuk pertuduhan kedua pula, dia didakwa melakukan kesalahan sama antara pukul 1 hingga 1.30 tengah hari di sebuah rumah di Kampung Tebuk, Simpang Empat, di sini, pada bulan Februari lalu.

Berikutan itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 376 (3) Kanun Keseksaan dan dibaca bersama Seksyen 16 Akta Kesalahan-Kesalahan Seksyen Terhadap Kanak-Kanak (AKSTK) 2017.

Pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Nabilah Ahmad Po'ad manakala tertuduh diwakili peguam Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK), Widyaevasari Mohd Kanifah.

Semasa prosiding, Nabilah memohon kepada mahkamah agar dapat membatalkan jaminan terhadap tertuduh.

Widyaevasari bagaimanapun meminta agar anak guamnya diberikan jaminan dan akan membuat aku janji untuk tinggal berasingan dengan keluarga.

Mahkamah kemudian menetapkan tertuduh dijamin sebanyak RM10,000 dan perlu melaporkan diri di balai polis berhampiran pada setiap bulan.

Selain itu, tertuduh juga dikehendaki untuk tidak mengganggu dan tinggal serumah bersama dengan mangsa.

Sebutan semula kes ditetapkan pada 23 April depan bagi serahan dokumen laporan perubahan.-[UTUSAN](#)

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Warga asing mengaku amang seksual kanak-kanak



KOMPLEKS MAHKAMAH KUALA LUMPUR

Oleh NUR AIMI HAZIRAH 28 Mac 2025, 3:36 pm

KUALA LUMPUR: Seorang lelaki warga asing mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen di sini hari ini atas pertuduhan melakukan amang seksual terhadap seorang kanak-kanak, awal Mac lalu.

Tertuduh, Marzuki, 26, membuat pengakuan itu selepas pertuduhan dibacakan terhadapnya dalam Bahasa Melayu di hadapan Hakim Tasnim Abu Bakar.

“Faham (pertuduhan). Saya mengaku bersalah dan akan bertanggungjawab,” kata lelaki warga Indonesia itu.

Mengikut pertuduhan, dia didakwa telah melakukan amang seksual fizikal terhadap seorang kanak-kanak perempuan berumur 12 tahun pada 24 Mac lalu, pukul 10.46 malam di sebuah kuarters institusi pendidikan di Brickfields, di sini.

Pertuduhan dikemukakan mengikut Seksyen 14(a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Kanak-Kanak 2017 yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan sebat.

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya Faizah Khalilah Zaberi memohon mahkamah memberikan satu tempoh singkat untuk penyediaan fakta kes dan mengemukakan bahan bukti sebelum hukuman dijatuhkan.

Faizah Khalilah juga tidak menawarkan sebarang jaminan memandangkan tertuduh mempunyai satu lagi pertuduhan di bawah Akta Imigresen.

Kes ditetapkan untuk jatuh hukum pada 11 April ini. [-UTUSAN](#)